



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 37 (10 SEPTEMBER – 16 SEPTEMBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-37 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,380 kes berbanding 2,284 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 96 kes (4.2%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-37 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-37 adalah sebanyak 84,865 kes berbanding 40,551 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 44,314 (109.3%). Manakala sejumlah 59 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 24 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat kepada 72 lokaliti berbanding 66 lokaliti pada minggu sebelumnya. Dari 72 lokaliti yang dilaporkan, 54 lokaliti di Selangor, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Kelantan, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) lokaliti di Perak dan Negeri Sembilan.

Bagi surveilan chikungunya, tiga (3) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-37. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 169


kes. Bagi survelan zika, sebanyak 2,344 sampel darah dan 211 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Kawasan perindustrian dan tapak bina merupakan premis berisiko tinggi menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* disebabkan kawasan yang luas serta struktur bangunan dan binaan di lokasi tersebut. Oleh itu, pemaju tapak bina, pemilik kawasan perindustrian serta kontraktor pembersihan di premis tersebut hendaklah memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar premis. Sediakan tong-tong sampah yang mencukupi untuk para pekerja membuang tin-tin air minuman, botol, bekas-bekas makanan dan sebagainya. Pastikan juga sampah-sampah ini dikutip secara berkala dan dilupuskan. Lakukan aktiviti Cari dan Musnah secara berkala serta letakkan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam tempat takungan atau penyimpanan air. Jadikan kawasan perindustrian dan tapak bina bebas dari ancaman demam denggi. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


22 September 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-37 dan ke-36 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-37 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-37), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-37 tahun 2023